




فَاتِي إِسْلَامِيَّةٌ مَلَيْسِيَا (فَإِس)



PARTI ISLAM SEMALAYSIA (PAS)  
BADAN PERHUBUNGAN PAS NEGERI KEDAH DARUL AMAN

No. Pendaftaran : 26/52-33

**SARANAN SEMASA PENDENGARAN AWAM  
JAWATANKUASA PILIHAN KHAS  
PENAMBAHBAIKAN  
PROSES PILIHAN RAYA**

**PADA 15 DAN 16 DISEMBER 2011  
DI DEWAN SRI PINANG,  
LEBUH LIGHT, PULAU PINANG**

## SARANAN BAGI PENAMBAHBAIKAN PILIHAN RAYA

### **1. Ikrar oleh Pihak Pengerusi SPR dan Pegawai Pengurus Pilihanraya:**

- 1.1 Selepas DUN/PARLIMEN di bubarkan , Pengerusi SPR mewakili seluruh Ahli SPR, Pengarah-Pengarah SPR Negeri dan semua pegawai SPR di wajib berikrar melalui siaran langsung di seluruh saluran TV dan radio mengakui telah melaksanakan tugas sebelum bubar DUN/PARLIMEN secara adil dan telus dan akan melaksanakan tugas semasa dan selepas pembubaran DUN/PARLIMEN secara adil dan telus kepada Yang Dipertuan Agung dan seluruh rakyat Malaysia. Berjanji tidak bepihak kepada mana-mana Parti politik yang bertanding di dalam Pilihan Raya tersebut.
- 1.2 Di peringkat Parlimen, Pada hari penamaan Calon, Pengurus Pilihanraya DUN/PARLIMEN mewakili seluruh pegawai dan petugas SPR wajib berikrar menjalankan tugas secara adil dan telus kepada Yang Dipertuan Agung, Sultan Negeri Berkenaan dan seluruh rakyat dalam DUN/PARLIMEN. Berjanji tidak bepihak kepada mana-mana Parti Politik yang bertanding di dalam Pilihan Raya tersebut.
- 1.3 Kami bersedia menyediakan cadangan lafaz ikrar jika di minta.

### **2. Pengistiharan Tarikh/Masa Pilihan Raya :**

Bagi menunjukkan sifat ketelusan dan untuk mempermudah perancangan khususnya yang berkaitan dengan agensi kerajaan, adalah disarankan agar tarikh bagi sesuatu Pilihan Raya Umum yang akan diadakan perlulah diumumkan oleh pihak pemerintah sekurang-kurangnya 6 bulan selepas sesuatu PRU seandainya tidak mahu mengikut tempoh penggal yang sediada.

### **3. Perbuatan Rasuah : (Rujuk Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954 (Akta 5) Bahagian iii )**

Bagi menghindari dari berlakunya pelanggaran terhadap Seksyen 8 dan Seksyen 9 & Seksyen 10 dibawah akta ini adalah disarankan agar;

**TIDAK MEMBENARKAN** Semua majlis perasmian,pecah tanah, penganugerahan geran bantuan,sumbangan dan sebagainya yang dianjurkan atas nama mana-mana agensi kerajaan yang melibatkan pegawai-pegawai tinggi kerajaan atau ahli-ahli politik didalam tempoh pilihan raya diadakan.

#### **4. Kebebasan Media Milik Kerajaan:**

- 4.1 Memastikan semua media massa milik kerajaan supaya tidak menyiarkan siaran-siaran atau rancangan berbentuk berat sebelah dalam tempoh sesuatu pilihan raya.
- 4.2 Media massa milik kerajaan memberi ruang kepada semua pimpinan parti yang bertanding bagi menyampaikan ucapan berkaitan Dasar atau Manifesto parti masing-masing secara adil.
- 4.3 SPR berhak menegur pengendali siaran TV dan radio kerajaan atau swasta terhadap siaran yang dilihat memihak/dusta atau mendapat bantahan rasmi dari mana-mana parti politik walaupun bukan dalam tempoh sesuatu pilihanraya.

#### **5. Permit Berhimpun atau Ceramah atau Kempen :**

Adalah disarankan supaya Seksyen 27 dibawah Akta Polis tidak digunapakai disepanjang tempoh sesuatu pilihan raya.

#### **6. Pengundian POS : ( Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Pengundian Pos) 2003.**

- 6.1 Bagi menghindari agar ia tidak dimanupulasikan oleh mana-mana pihak, adalah disarankan agar Pengundian Pos dimansuhkan dan; Pengundian oleh anggota tentera dan polis diadakan sebagaimana proses pengundian yg dilakukan oleh pengundi awam walaupun tarikhnya diawalkan dan proses pengiraan
- 6.2 **Bagi pemilih yang terdiri dari isteri atau suami anggota tentera atau polis;**
  - 6.2.1 Perlulah dimansuhkan sebagai Pengundi Pos dan mereka dikehendaki menjalani proses pengundian sebagaimana yg dilalui oleh pengundi awam lain dengan dibuka pusat Pengundian didalam kem penempatan mereka.
  - 6.2.2 Bagi yang tinggal di kawasan kem yang tidak mempunyai Kuarters Keluarga (tinggal dirumah sewa atau rumah sendiri), mereka dikehendaki melalui proses pengundian seperti pengundi awam lain. ( Contoh : Kedah; Parlimen Kubang Pasu : DUN Bukit Kayu Hitam; Daerah Mengundi Bukit Kayu Hitam )

## **7. Kebenaran Masuk Tempat Mengundi :**

Terdapat percanggahan atau kekeliruan diantara;

**7.1 Peraturan-Peraturan pilihan Raya ( Penjalanan Pilihan Raya 1981) seksyen 15 (4); Tidak lebih daripada seorang ejen tempat mengundi bagi setiap calon boleh dibenarkan masuk pada suatu masa kemana-mana tempat mengundi semasa pengundian dijalankan.(ms 25)**

**7.2 Buku Panduan Ejen Tempat Mengundi/Ejen Mengira Undi dan Pemerhati barung. (Semakan Ogos 2007)**

**Bahagian ii : Pada Hari Mengundi.(Perkara 3: Kebenaran Masuk KeTempat Mengundi)**

Rujuk bilangan 3.1 ; Pada umumnya lebih dari seorang boleh dilantik menjadi ejen tempat mengundi tetapi **hanya seorang ejen tempat mengundi sahaja** dibenarkan masuk ketempat mengundi pada satu-satu masa semasa pengundian berjalan bagi mewakili sesebuah parti atau seseorang calon bebas.

## **8. Masalah Wakil Rakyat Lompat Parti :**

- 8.1 Sungguhpun ia merupakan hak seseorang dalam memilih atau menyertai mana-mana parti tetapi sebagaimana yg termaktub didalam Perlembagaan Negara, tetapi dalam hal berkaitan seseorang WAKIL RAKYAT menukar haluan atau LOMPAT PARTI merupakan satu pengkhianatan kepada pengundi yang telah memilih parti yg beliau wakili.
- 8.2 Orang yang sedemikian juga tentulah merupakan seorang yang tidak mempunyai pendirian atau mempunyai agenda tertentu dan tidak layak menjadi seorang wakil rakyat.
- 8.3 Oleh yang demikian, adalah disarankan agar mana-mana Wakil Rakyat yang **“melompat parti”** secara automatiknya **terlucut jawatannya serta dikenakan tindakan undang-undang.**
- 8.4 Bagi kerusi yang telah menjadi kosong akibat perbuatan **Lompat Parti** itu adalah disaran agar;
  - 8.4.1 Diserahkan kepada Parti yang diwakili oleh seseorang Wakil Rakyat Lompat itu dan pihak parti berkenaan bolehlah mengemukakan seorang yang lain sebagai pengganti atau
  - 8.4.2 Diadakan semula satu Pilihan Raya bagi kawasan berkenaan.

## **9. Berkaitan Pemilih:**

- 9.1 **Pendaftaran Pemilih Baru** (Sekiranya tidak menggunakan sistem pendaftaran secara automatic):

Merupakan satu proses dalam memberi hak kepada seseorang rakyat untuk menjadi pengundi seperti yang ditetapkan dalam Perlembagaan Negara dan Peraturan Pilihan Raya. Pihak SPR telah menolak permohonan mereka yang dibuat melalui Penolong Pegawai Pendaftar Sementara walaupun dari segi kiraan bulan dan tarikh lahir mereka itu belum mencapai umur 21 tahun. Disarankan agar pihak SPR dapat memberi kelonggaran atau melakukan sesuatu tindakan tanpa menolak terus permohonan mereka.

## **9.2 Proses Penukaran Tempat Mengundi :**

(Mengikut Fasal 113 Perlembagaan)

Kelayakan mengundi- orang yang bermaustautin, dimana-mana bahagian pilihanraya layak didaftarkan. Proses penukaran alamat untuk orang yang bermaustautin sangat menyulitkan dan terlalu banyak kerenah.

## **9.3 Semakan dan Bantahan**

Perlu dilanjutkan dari 7 hari kepada 14 hari kerana peraturan yang digunapakai sekarang tidak member kesempatan untuk seseorang atau parti politik membuat semakan dimana 7 hari tersebut adalah dikira hari bekerja.

## **10.Senarai pemilih yang diragui :**

Berpandukan system kerja yang diamalkan sekarang oleh pihak SPR dan JPN, adalah agak mustahil nama-nama pemilih yang diragui ini dapat dibersihkan. Oleh demikian adalah disarankan agar;

10.1 Pihak SPR dan JPN turun ke padang bagi menangani masalah tersebut dengan kerjasama parti-parti politik, NGO serta wakil rakyat disesuatu kawasan atau

10.2 Pihak SPR menerimapakai perakuan bertulis yang dibuat oleh seseorang wakil rakyat terhadap nama-nama yang diragui itu.

Sekian, saranan dari pihak kami. Terima kasih